

D370

U B321 AAB  
MAHATHIR - DEMOKRASI

JERANTUT, 30 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, RAKYAT HARUS BIJAK MENGGUNAKAN DEMOKRASI BAGI MENJAMIN AGAR MEREKA TERUS MEMPEROLEHI NIKMAT DARIPADANYA.

OLEH ITU, RAKYAT HENDAKLAH MEMILIH KERAJAAN YANG BENAR-BENAR BERTANGGUNGJAWAB MENJALANKAN TUGAS BAGI KEPENTINGAN MEREKA.

SEBALIKNYA, DEMOKRASI BOLEH MENHANCURKAN NEGARA JIKA IA DIGUNAKAN UNTUK MISALNYA MENGUGUT KERAJAAN DAN MENIMBULKAN KEADAAN YANG TIDAK STABIL, KATANYA PADA PERJUMPAAN DENGAN ORANG RAMAI DI KAMPUNG PULAU MANSOK DI SINI.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAHAWA TERPULANGLAH KEPADA RAKYAT UNTUK MENGGUNAKAN DEMOKRASI ITU SECARA BIJAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DEMOKRASI BOLEH MENJADI TIDAK BAIK IBARAT +PISAU TAJAM YANG DIGUNAKAN UNTUK MENGUKIR BUAH-BUAHAN DAN MEMOTONG DAGING DAN JUGA BOLEH MENIKAM UNTUK MEMBUNUH ORANG.+

MENURUTNYA, RAKYAT TELAH MEMPEROLEHI BERBAGAI-BAGAI NIKMAT MEMERUSI DEMOKRASI YANG DIAMALKAN SEKARANG TETAPI MASIH RAMAI YANG MEMBUAT BERBAGAI-BAGAI PERMINTAAN LAGI APABILA MENJELANG PILIHAN RAYA. -- LAGI.

1228MST 30 06 90

D371

U B322 AAB  
MAHATHIR - DEMOKRASI 2 JERANTUT

KATANYA, KETIKA ITU (MENJELANGNYA PILIHAN RAYA) PARA PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46 YANG TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG KECEWA, AKAN Mencari orang yang sama-sama kecewa untuk diperalatkan.

OLEH ITU, PERDANA MENTERI MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA TIDAK TERPENGARUH DENGAN HASUTAN PARTI PEMBANGKANG APABILA TIBA PILIHAN RAYA NANTI.

KIRA-KIRA 2,000 ORANG TERMASUK ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI, MENTERI BESAR PAHANG, TAN SRI KHALIL YAAKOB, MENTERI SUMBER MANUSIA, DATUK LIM AH LEK, MENTERI PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK DAN TIMBALAN MENTERI KEWANGAN, DATUK WAN ABU BAKAR WAN MOHD TURUT HADIR PADA PERJUMPAAN BERKENAAN.

PERDANA MENTERI YANG KINI SEDANG DALAM RANGKA LAWATAN KE SELURUH NEGARA KEMUDIAN MENGHADIRI PERJUMPAAN DENGAN PARA PEMIMPIN MASYARAKAT DI DEWAN MAJLIS DAERAH DI SINI. -- BERNAMA.

1231MST 30 06 90